

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 13, 2019 10:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Debaran 5,757 Graduan Menjelang Majlis Konvokesyen Ke-32



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 OKTOBER 2019 / 14 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

DEBARAN 5,757 GRADUAN MENJELANG MAJLIS KONVOKESYEN KE-32



UUM ONLINE: Alor Setar - Debaran 5,757 graduan kian dirasai apabila mereka bakal menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-32 Universiti Utara Malaysia (UUM) yang akan berlangsung selama lima hari mulai 19 hingga 23 Oktober ini di Dewan Mu'adzam Shah.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, kesemua graduan tersebut akan diraikan dalam sembilan sesi dan daripada jumlah itu, 4,467 graduan adalah Sarjana Muda dan 1,290 adalah graduan pasca siswazah terdiri 272 graduan Ijazah Doktor Falsafah, Doktor Pengurusan (6) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (18), Ijazah Sarjana (960) serta Diploma Pasca Siswazah (34).

Menurutnya, hari bersejarah tersebut dimulakan dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Korporat) kepada Pengarah KPJ Healthcare Berhad, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perniagaan Antarabangsa) kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Chong Motor Holdings Berhad, Dato' Khor Swee Wah @ Koh Bee Leng.

"Selain daripada Ijazah Kehormat, UUM turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Penolong Naib Canselor (Keusahawanan & Kelestarian Kewangan), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Din dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Sains Sosial (SBSS), AlBukhary International University (AIU), Prof. Dato' Dr. Jamalludin Sulaiman.

"Tokoh-tokoh tersebut akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dan gelaran Profesor Emeritus yang disampaikan oleh Canselor UUM, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah pada sesi pertama," katanya pada Sidang Media Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di TH Hotel, hari ini.

Menurut beliau, Majlis Konvokesyen Ke-32 itu juga menyaksikan 556 graduan adalah bukan warganegara daripada 28 buah negara yang mana China mencatatkan jumlah teramai iaitu 122 graduan, diikuti Indonesia 112, selain graduan dari Palestin seramai lima orang.

Selain itu, katanya, pada tahun ini, seramai 649 graduan (14.5%) dari Ijazah Sarjana Muda mendapat Ijazah Kelas Pertama dan 30 peratus daripadanya adalah dari golongan B40.

"UUM juga telah melahirkan seramai 32 graduan sulung dari program peringkat Sarjana iaitu Sarjana Sastera Pengajian Kenegaraan pada majlis ini, selain meraikan enam graduan OKU dan lapan graduan Orang Asli serta 748 graduan yang dipilih untuk menerima 30 anugerah utama universiti termasuk anugerah baharu diperkenalkan iaitu Pingat Emas Kepimpinan Chartered Management Institute (CMI).

"Bagi memeriahkan lagi sambutan Majlis Konvokesyen Ke-32 ini, Pesta Konvokesyen dengan tema '*Love UUM*' akan diadakan dari 16 hingga 23 Oktober mulai jam 9 pagi hingga 11.30 malam di Tapak Ekspo, Padang Kawad PALAPES dan sekitar UUM," katanya.

Sebanyak 264 lot jualan disediakan termasuk lot jualan pelajar sebanyak 28 lot yang akan memenuhi tapak Pesta Konvokesyen nanti, selain pelbagai aktiviti berbentuk akademik, keusahawanan, kebudayaan dan kesenian, sukan serta rekreasi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.